

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

Modul Kepimpinan IKON (MKI)

Penulis: Muhamad Nasarudin Sulaiman & Dr. Muhammad Shahimi Ariffin

MUKAH, 5 Januari 2025 – Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Modul Kepimpinan IKON (MKI) yang berlangsung selama tiga hari dua malam bermula 3 hingga 5 Januari 2025 bertempat di TEC 01, Aras 2, Bangunan Fakulti Sains Gunaan (FSG). Program ini merupakan inisiatif dalam usaha membentuk jati diri serta nilai-nilai kepimpinan dalam kalangan pelajar diploma. Seramai 22 pelajar yang terdiri daripada ahli majlis tertinggi dan exco daripada pelbagai persatuan, kelab dan program diploma telah dipilih oleh penasihat kelab masing-masing untuk menyertai modul intensif ini. Pengisian program memfokuskan kepada pembangunan ciri-ciri pemimpin berkarisma, kebolehan menyelesaikan konflik serta pemikiran strategik dalam mendepani cabaran semasa.

Modul ini dikendalikan oleh dua fasilitator berpengalaman, iaitu Encik Muhamad Nasarudin Sulaiman dan Dr. Muhammad Shahimi Ariffin, serta diserikan dengan ceramah khas oleh Puan Juriah Japar, wakil staf pengurusan dan bekas pemimpin Jawatankuasa Perwakilan Kolej Sri Tanjung, UiTM Kampus Mukah. Ceramah bertajuk *"Kepimpinan Mahasiswa: Mencorak Masa Depan Ikon Madani"* telah menyentuh aspek penting dalam pembentukan pemimpin mahasiswa yang berwawasan dan bertanggungjawab, dengan penekanan terhadap ciri-ciri kepimpinan berkualiti dalam menangani isu-isu semasa.

Ceramah tersebut mendapat maklum balas positif daripada para peserta yang menyifatkan pengisiannya sebagai sangat relevan dan memberi inspirasi. "Ceramah ini membuka mata kami tentang tanggungjawab sebenar sebagai pemimpin pelajar, bukan hanya di kampus tetapi juga sebagai agen perubahan di masa hadapan," ujar salah seorang peserta. Modul ini turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti latihan dalam kumpulan, simulasi kepimpinan, perbincangan objektif, serta aktiviti luar yang dijalankan di sekitar kampus. Kepelbagaian pendekatan ini menjadikan pengisian program lebih segar, dinamik dan berkesan. Suasana sepanjang modul berlangsung turut diceriakan dengan semangat kolaboratif yang tinggi dalam kalangan peserta.

"Pelaksanaan aktiviti sangat tersusun dan penuh variasi, membuatkan kami sentiasa terlibat secara aktif," kata seorang peserta dari program Diploma Pengurusan Industri Perladangan. Majlis penutupan disempurnakan dengan ucapan daripada penyelaras modul dan fasilitator, disusuli penyampaian hadiah kepada kumpulan dan peserta terbaik. Sijil penyertaan dan sijil penghargaan juga turut diberikan kepada semua peserta sebagai pengiktirafan atas penglibatan aktif dan dedikasi mereka. Dengan kejayaan penganjuran Modul Kepimpinan IKON ini, UiTM Kampus Mukah terus komited dalam membentuk generasi mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga berkepimpinan, berintegriti dan bersedia mencorak masa depan negara.

